

Penyelidik

*Mantera: Keindahan Bahasa, Kearifan Lokal, Dan Cara Hidup Muslim  
Penelitian Terhadap Proses Perubatan Dalam Kalangan Tok Bomo Daerah  
Raman Wilayah Yala*

*Saliha Musor\**

\*Pensyarah tetap Jurusan Bahasa Melayu, fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Fatoni

**Abstrak**

Projek penelitian “Keindah Bahasa, Kearifan Lokal, dan Cara Hidup Muslim, Penelitian Terhadap Proses Perubatan dalam Kalangan Tok Bomo Daerah Raman Wilayah Yala” bertujuan untuk mengumpul dan merakam mantera dalam perubatan dalam kalangan Tok Bomo daerah Raman wilayah Yala, mengkaji ciri dan bentuk penggunaan bahasa, menganalisis bagaimana hubungan mantera dengan kepercayaan, pemikiran, cara hidup, dan sejarah tempatan. Mengkaji mantera dengan ajaran Islam, dan untuk mengetahui bentuk mantera yang mungkin berbeza mengikut jenis penyakit. Hasil pengumpulan mantera dalam perubatan dari daerah Raman wilayah Yala terdapat 102 mantera. Dapat dibahagikan mengikut tujuan dan cara mengubat dan mencegah penyakit kepada 7 jenis iaitu (1) pekebal (2) pelaris (3) mengubat penyakit (4) membangkit semangat (5) mencerahkan hati (6) menjauhkan dari segala kecelakaan dan (7) pengasih. Setiap mantera terdapat berbeza di antara satu dengan yang lain. Dapat dibahagikan mengikut keindahan bahasa kepada 7 ciri penting iaitu (1) pengulang kata dan ayat (2) unsur mamnan bunyi (3) mengguna bahasa kiasan (4) mengguna teknik linguistik (5) mengguna bahasa tempatan bila melafas kata tuju kepada makhluk ghaib (6) bercampur dengan bahasa Arab dan (7) mengguna bahasa Arab sepenuhnya.

Hasil analisis bentuk mantera didapati terdapat 2 bentuk iaitu prosa dan puisi. Bentuk prosa terdapat 2 mantera sahaja. Manaka mantera dalam bentuk puisi terdapat 100 mantera. Mantera dalam bentuk puisi dapat dikelompokkan mengikut bentuk kepada 5 kelompok pula iaitu (1) panjang 1-3 baris (2) mantera yang terdapat pengulangan kata, ayat dan mempunyai keidahan bunyi (3) mantera yang terdapat kata yang merangsangkan dalam bahasa Melayu. (4) mantera yang terdapat kata yang merangsangkan dalam bahasa Arab dan

(5) mantera dalam bentuk pantun. Hasil analisis hubungan mantera dengan kepercayaan, pemikiran, cara hidup dan sejarah tempatan didapati bahawa dalam menjali kehidupan terdapat segelintir ahli masyarakat di daerah ini mengguna mantera hampir dalam setiap sudut kehidupan lebih-lebih lagi Tok Bomo. Cara hidup sedemikian ini berkait rapat dengan kepercayaan pra Islam sama ada kepercayaan animisme dan kesan pengaruh agama Hindu. Setelah agama Islam datang mantera diubahsuai dengan kepercayaan baru tetapi bentuknya masih mengekalkan bentuk asalnya. Proses pembaharuan ini menimbulkan keindahan rohaniah salah satu faktor penting yang menyababkan mantera dapat tempat dalam masyarakat sehingga ke hari ini. Hasil analisis mantara dengan Islam pula didapati bahawa terdapat mantera yang bercanggah dengan agama Islam yang dapat bahagikan kepada 3 jenis mengikut tujuannya (1) untuk membuat sihir (2) mantera yang menyekutukan kekuasaan Allah dengan kuasa lain (3) menyelewengkan ayat Quran.

**Kata Kunci:** mantera, keindahan, kearifan lokal, cara hidup, muslim, perubatan

RESEARCH

***The Mantra: The Beauty of Language, Local Wisdom and Muslims' Way of Life in the Doctors' Treatments In Raman District of Yala***

**Abstract**

The research project on “The Mantra: The Beauty of Language, Local Wisdom, and Muslims’ Way of Life in the Folk Doctors’ Treatments” in Raman District of Yala was aimed at collecting and recording spells used for and knowledge on medical treatments from Melayu Tok Bomo (folk doctors) in Raman District of Yala Province; investigating language features and contents in the mantras; analyzing relationships of the mantras with beliefs, thoughts, ways of life and locally historical links; studying consistency of the mantras with Islamic principles; and identifying mantra types varying from illnesses and treatments. The collected and recorded 102 mantras were identified and classified by purposes and preventive treatments and cures into 7 main categories: 1. prevention from weapons, 2. working tools, 3. treatment mediums, 4. encouragement, 5. mind refreshing, 6. prevention from harms and dangers, and 7. love spells. The features of the beauty of language in the mantras could be identified as 1. lexical and syntactic repetition, 2. rhyme, 3. figurative language, 4. linguistic techniques, 5. use of Malay dialect referring to ancestors or ghosts, 6. combination with Arabic, and 7. use of pure Arabic.

Analysis of the mantra prosody presented 2 proses and 100 poems. The poems were categorized into 5 including (1) 1-3 line poems, (2) poems with lexical and sound rhymes, (3) poems with impressive dialect words and phrases, (4) poems with impressive Arabic words and phrases, and (5) poems in the pantun form. On relationship with beliefs, thoughts, ways of life and locally historical links, use of mantras was found engaged in every aspect of the folks’ way of life. Those mantras related to their original beliefs in animism and some Hindu-Brahma influences. On coming of Islam, the mantras were modified to be consistent with their new faith by adjusting the contents and keeping the structures. The verses relating to the previous beliefs were made inaudible to listeners by the tok bomo (folk doctor). This strategy brought about moral beauty and was a factor in existence of mantras in the folk doctors’ medical treatments. It was also discovered that most of mantra contents related to Islam because they included Allaah’s names and Quranic verses and excluded association of

any partner with Allaah. However, inconsistency was found in (1) black magic mantras, (2) mantras showing association of any partner with Allaah, and (3) mantras containing distorted Quranic verses.

**Keyword:** mantra, beauty of language, local wisdom, muslim, way of life, folk doctor, treatments

## 1. Pengenalan

Kota Raman atau Ramoh membawa pengertian bandar keseronokan, keramaian. Nama ini sangat sesuai kerana dulu Kota Raman menjadi pusat perdagangan dan hiburan. Setelah ditukar sistem pentadbiran. Kota Raman berubah status kepada daerah Raman menjadi salah satu daerah dalam wilayah Yala sekarang. Oleh kerana pada suatu zaman dahulu kota Raman merupakan pusat perdagangan dan hiburan ekoran dari itu Kota Raman merupakan tempat himpunan khazanah ilmu dan tamadun termasuk sastera rakyat pelbagai jenis seperti ceritata rakyat, peribahasa, teka-teki, lagu rakyat (Zulila Sharif dan Jamilah Haji Ahmad, 1993:11-12). Salain itu satu jenis sastera yang tidak boleh mengwarisi daripada generasi ke generasi dari mulut kemulut tetapi diwarisi melalui pertalian darah dan pewaris sahaja. Pewaris itu pula akan berperanan menjadi sebagai pebantu ahli masyarakatnya sama ada mengubat penyakit luaran dan dalaman atau pun apa sahaja yang dihajati oleh ahli masyarakat dikenali dengan panggilan “Tok Bomo” atau bomoh.

Pengertian “Tok Bomo” bagi penduduk di bahagian Selantan Thai ialah orang yang memeliki ilmu perubatan yang mengubat secara tradisional kepada penduduk Thai Muslim (Merujuk kepada rakyat Thai yang beragama Islam dalam kajian inidikhusukan kepada keturuanan Melayu), sejak zaman berzaman. Ilmu itu tersimpan dan diwarisi melalului pertalian darah dari generasi ke generasi (diperlakukan anak bongsu akan menwarisi bomoh seterusnya). Tok Bomo akan berfungsi kesihatan sama ada kesihatan rohani dan kesihatan jasmani dengan secara tradisi dan bercampur Islam dengan melafaskan kata-kata atau mantera yang berkaitan dengan kepercayaan dan keimanan yang dapat membangkitkan kekuatan semangat dalam mengubatai diri sendiri. Mantera yang digunakan oleh Tok Bomo dalam perubatan berkait rapat dengan kepercayaan, pemikiran, dan cara hidup bangsa Melayu dalam daerah ini sejak dahulu kala lagi.

Istilah “mantera” berasal dari bahasa Sanskrit dari kata akar mantra, atau matar yang membawa pengertian nyanyian memuja tuhan atau pememujaan (Abdul Halim Ali, 2006: 54). Mengikut Harun Mat Piah (1989:479) mantera adalah jenis kata-kata apabila dilafaskan dipercayai dapat menimbulkan kuasa ghaib atau konotasi magis untuk tujuan perubatan atau untuk tujuan lain. Dapat disimpulkan bahawa mantera merupakan satu jenis kebudayaan yang ada bersama manusia di muka bumi ini. Bagi masyarakat Melayu menurut Ismail Hamid (1988) mantera merupakan satu ilmu tradisi diwarisi zaman berzaman. Diubah dibaharui dan di gabung dengan kepercayaan dan budaya mengikut era dan perubahan zaman kemudian diwarisi dan diamal sehingga ke hari ini.

## 2. Permasalahan Kajian

Mantera dalam perubatan secara tradisional dalam masyarakat Melayu di bahagian Selatan Thai merupakan cara mengubat penyakit batiniah dan jasmaniah. Cara perubatan dan bacaan mantera berbeza-beza mengikut jenis penyakit. Pada umumnya “mantera” yang digunakan dalam perubatan di daerah ini dapat memperlihatkan keimanan yang kuat terhadap agama Islam dan kebesaran Allah Mahapencipta. Walauhal demikian terdapat sesetengah mantera ada kata-kata yang syirik dengan agama Allah. Kemungkinan besar disebabkan daripada ketidaktahuan dan ketidaksedaran Tok Bomo atau pengamalnya. Dengan demikian pengkaji akan mengemukakan mantera kesemuanya mengikut fakta yang terdapat dari daerah Raman wilayah Yala. Sama ada mantera yang boleh digunakan dan mantera yang terdapat adanya unsur-unsur syirik. Hal ini kerana untuk memperlihatkan jumlah mantera yang diamalkan di kawasan ini. Yang memungkinkan membawa kepada penyelidikan dalam bentuk amali untuk memberi ilmu pengetahuan kepada pengamal mantera dan masyarakat berkenaan dengan “mantera dan Islam”.

Mantera dan cara perubatan secara tradisional dalam masyarakat Melayu diibaratkan sebagai rakaman sejarah yang mencatat ilmu perubatan. Juga menjadi sebagai alat yang menyimpan kepercayaan, dan sistem pemikiran masyarakat di daerah ini melalui kata-kata dan cara yang diwarisi dari generasi ke generasi sehingga hari ini. Di dalamnya terdapat percampuran pembaharuan budaya mengikut era dan waktu sejak dahulu kala lagi. Semua itu tercatat dan terpelihara dalam “mantera” yang merupakan salah satu jenis sastera rakyat yang diwarisi melalui pertalian darah ratusan tahun lamanya. Dengan demikian pengkaji ingin mengkaji “mantera” yang terdapat dalam proses perubatan yang digunakan dalam kalangan Tok Bomo di daerah Raman wilayah Yala. Hasil kajian akan memberi penjelasan yang membolehkan pewaris memilih untuk mengwarisi mantera sama ada dari sudut ilmu dan keindahannya. Selain itu kajian ini juga akan memperlihatkan kesan-kesan perubahan dalam sejarah dari sudut kepercayaan dari kepercayaan animisme kepada kepercayaan baru iaitu Islam. Penelitian ini selain untuk masyarakat tempatan mengetahui dan memahami peralihan kepercayaan yang dianuti oleh masyarakat dari awal sehingga ke hari ini. Semantara itu masyarakat luar akan lebih mengenali dan memahami warga Thai keturunan Melayu yang akan membawa kepada perpaduan dalam masyarakat majmuk.

### 3. Objektif Kajian

1. Mengumpul dan merakam mantera dalam perubatan dalam kalangan Tok Bomo daerah Raman wilayah Yala.
2. Mengkaji ciri dan bentuk penggunaan bahasa dalam mantera yang digunakan dalam pengamalan pengubatan.
3. Menganalisis hubungan mantera dengan kepercayaan, pemikiran, cara hidup dan sejarah tempatan.
4. Menganalisis mantera yang digunakan dalam perubatan dengan Islam.
5. Untuk mengetahui bentuk mantera yang mungkin berbeza mengikut jenis penyakit dan cara pengubatan.

### 4. Dapatan Kajian

Dapatan kajian pengkaji akan mengemukakan mengikut tujuan kajian seperti di bawah berikut:

#### 4.1 Hasil mengumpul dan Merakam Mantera dalam Perubatan dalam Kalangan Tok Bomo Daerah Raman Wilayah Yala

Hasil mengumpul dan merakam mantera dalam perubatan dalam kalangan Tok Bomo daerah Raman wilayah Yala terdapat 102 mantera dapat dibahagikan mengikut tujuan dan cara perubatan kepada 7 jenis iaitu pekebal terdapat 9 mantera, mata pencarian/pelaris terdapat 11 mantera, mengubat penyakit terdapat 40 mantera, membangkit semangat terdapat 9 mantera, mencerah hati 2 mantera, menjauhkan dari segala kecelakaan 16 mantera, dan pengasih 16 mantera.

Pembahagian di atas dibahagi berdasarkan peranan Tok Momo atau bomoh dalam masyarakat Melayu yang bukan sahaja mengubati penyakit malah memberi perkhidmatan mengikut permintaan ahli masyarakat. Oleh demikian “perubatan tradisional” membawa pengertian yang lebih luas apabila melihat masalah kesihatan dan penyakit yang membolehkan memberi kesan dalam setiap sudut kehidupan sama ada ekonomi, politik, masyarakat dan budaya (Pandangan Semesta Melayu Mantera, 2007: 154). Begitu juga

dengan perubatan dalam budaya tradisional di daerah Raman wilayah Yala, juga bukan hanya mengubat penyakit tetapi merangkumi permasalahan dalam setiap sudut kehidupan. Sama ada masalah cinta, perniagaan, pengangguran, hasilan pertanian, hutang, pembelajaran, binatang ternakan, masalah kekuargaan semua ini tergolong dalam pengertian “nyakik” atau penyakit. Pendeknya ketujuh-tujuh jenis mantera yang dibahagikan di atas termasuk dalam erti kata “nyakik” yang mesti dihapus, diubati, dibantu oleh individu yang bergelar “Tok Bomo”.

#### **4.2 Penggunaan Bahasa dalam Mantera**

Hasil analisis penggunaan bahasa dalam mantera yang terdapat di daerah Raman wilayah Yala pada umumnya tidak berbeza dengan mantera yang terdapat di Tanah Melayu iaitu menggunakan bahasa yang singkat dan padat. Hampir separuh jumlah mantera menggunakan bahasa tempatan bila menyeru nama-nama yang berkaitan dengan kesan kepercayaan *animisme* seperti nama hantu, roh, semangat, binatang yang mempunyai kekuatan atau sakti. Dan terdapat segelintir mantera yang memperlihatkan kesan pengaruh kepercayaan Hindu dari kata pinjaman bahasa Sanskrit dan unsur mitos dalam isi mantera. Pengaruh yang paling besar sekali ialah pengaruh bahasa Arab. Banyak mantera yang terdapat dalam kawasan ini yang bercampur dengan bahasa Arab lebih-lebih lagi bila merujuk kepada kekuasaan Allah. Selain itu nama nabi Muhammad SAW, nama sahabat, nama-nama orang yang berpengaruh dalam agama Islam juga banyak terdapat dalam mantera. Manakala ciri dan bentuknya pula juga tidak berbeza jauh dengan mantera yang terdapat di Tanah Melayu. Iaitu sama dengan puisi lain yang tidak terikat mempunyai makna dapat berdiri dengan sendiri. Bebas daripada ikatan rima, jumlah perkataan, boleh berdiri dengan satu bentuk atau bergabung dengan bentuk puisi lain seperti pantun atau lainnya (Muttiara Sastera Tradisional, 2010: 360). Mantera yang dijumpai dalam kawasan ini ada yang terdiri hanya satu baris sehingga satu halaman surat. Disusun dengan kata-kata yang merangsangkan mengikut jenis dan tujuan mantera pula. Dapat dibahagikan mengikut bentuk dan ciri kepada dua ciri. iaitu, ciri penggunaan bahasa dan bentuk.

##### **4.2.1 Keindahan Babahasa Dalam Mantera Daerah Raman Wilayah Yala**

Hasil analisis ciri penggunaan bahasa dalam mantera yang terdapat di daerah Raman wilayah Yala dapat dibahagikan mengikut ciri keindahan kepada 7 ciri penting iaitu pengulang

kata dan ayat, pengulangan bunyi, mengguna bahasa kiasan, mengguna teknik linguistik, mengguna bahasa tempatan bila melafas kata tuju kepada makhluk ݂haib, bercampur dengan bahasa Arab, dan mengguna bahasa Arab sepenuhnya.

#### (a) Pengulangan Kata dan Ayat

Mantera yang terdapat dari daerah Raman wilayah Yala yang mempunyai ciri keindahan pengulangan sama ada kata, frasa dan ayat didapati 7 mantera. Iaitu mantera penyakit angin, mantera mengubat urat geliat, mantera pengasih pengguna tempat, dua mantera pekebal, mantera menghalau hantu syaitan jin dan iblis, dan mantera bila berada dalam kesusahan. Bentuk pengulangan ketujuh-tujuh mantera ini hampir sama. Yang berbeza ialah bahagian pengulangan, ada yang ulang di bahagian awal mantera. Ada yang ulang keseluruhan mantera tetapi biza pula perkataan yang diulang-ulangkan. Ada yang ulang di bahagian tengah mantera dan bahagian akhir mantera. Lihat contoh di bawah:

*Pengulangan bahagian awal*

#### Mantra Geliat

Hei nenek suso nenek sasa  
Bomo suso bomo sasa  
Bidang suso bidang sasa

Mantara “geliat” terdapat unsur pengulangan di bahagian awal. Pengulangannya agak lain daripada yang lain kerana pengulangannya terdapat di tengah baris dan akhir baris. Mainan bunyi vokal di bahagian tengah dan akhir menimbulkan keestetikan bunyi menimbulkan keindan yang agak luar biasa daripada mantera yang lain di samping menimbul suasana magis bahasa dari perkataan “suso” dan “sasa” yang membawa pengertian pertalian warisan yang begitu lama. Pengertian inilah yang menimbulkan kuasa magis dalam erti kata magis “indah”. Indah kerana menimbulkan “rasa” di kalangan pesakit iaitu “rasa” boleh dipercayai dan boleh mengharap kepakaran Tok Bomo itu sendiri kerana mengwarisi “ilmu” perbomohannya yang begitu lama dan bukan Tok Bomo sebarang bahkan berguru dan berwarisan.

*Pengulangan Keseruhan Mantera*

**Mantera Berobat Penyakit Angin**

Kumo mung (kamu) kumo raja, kumo mung kumo dewa  
Kumo mung kumo bersaih jijang beradam  
Asa kumo peluh nabi Adam  
Asal miyang raja kayu  
Asal berasap di hujung batu  
Kumo cekup bulan penuh purnama  
Kumo cekup di tekak nyinyang  
Kumo cekup belakang hadapan  
Kumo ceku sisiku peluang  
Kumo cekup belakang hadapan  
Kumo cekup pinang belana  
Kumo cekup di pohon belalang  
Kumo jadi pengasuh Mah Dewa ning (ini).

Mantera “pemyakit angin” didapati teknik pengulangan yang menarik. Pada bahagian awal mantera diulang tiga perkataan iaitu “kumo mung kumo” yang membawa maksud “kerunan mu keturunan” untuk membangkitkan kesedaran si pesakit konunnya dari keturunan yang tinggi iaitu dari gulongan dewa dan raja. Penekanan ditambah lagi pada bahagian tengah atau isi mantera dengan teknik pengulangan kata “asal” dan bahagian akhir mantera diulang pula perkataan “kumo”. Perkataan dan frasa yang diulang memberi penekanan berdasarkan tujuan mantera. Dari pengulangan pada setiap bahagian mantera di atas itu selain menimbulkan keindahan juga menimbulkan suasana magis bahasa.

**(b) Mainan Bunyi**

Selain pengulangan kata, frasa ayat yang menibulkan keidahan bahasa dalam mantera yang terdapat di kawasan ini. Salah satu tarikan lagi ialah unsur mainan bunyi dalam mantera. Mantera yang terserlah dari unsur keindahan mainan bunyi sama ada vokal dan konsonan didapti 3 mantera iaitu mantera “kaf empat puluh, mantera “mengubat urat geliat” dan mantera ”melamahkan seteru”. Salah satunya seperti berikut:

### Kaf Empat Puluh

Kafaka robbuka kam yakfika wakifatun  
Kifka fuha kikamainen kana munkalikan  
Takirru karraan kakirrilkaifi kabiden tuhki  
Musakhsakanan kallat lakalkalaka  
Kafaka rabbuka kafilkaifi kurbataha  
Ya kaukaban kana yuhki kaukaban falaka.

Mantera di atas ada yang daripada bahasa Melayu dan bahasa Arab. Unsur yang penting dalam mantera ialah gaya pengulangan bahasa, gaya mainan bunyi, dan bahasa kuno dalam mantera “penyakit angin”. Mengikut teori magis bahasa penggunaan bahasa seperti demikian bertujuan untuk menimbulkan kuasa dan berkaitan dengan penghafalan. Pengulangan kata merupakan satu unsur penting yang menimbulkan keindahan, kekreatifan berbahasa dan mewujudkan ritma. Bagi Noriah Taslim, (2010:86) penggunaan bahasa dalam bentuk sedekian akan melahirkan suasana harmonis dalam lapisan-lapisan diri, justeru membuka diri kepada hubungan kewujudan yang lebih tinggi. Semua ini termasuk dalam ciri-ciri istimewa penggunaan bahasa dalam mantera.

#### (c) Mengguna Bahasa Kiasan

Hasil analisis unsur penggunaan bahasa dalam mantera yang terdapat di daerah Raman wilayah Yala terdapat satu gaya bahasa yang menarik selain unsur pengulangan dan unsur bunyi. Didapati bahawa banyak mantera yang terdapat di kawasan ini mengikut Noriah Taslim dalam Pandangan Semesta Melayu Mantera (2007:205) mengguna teknologi sastera secara sedar untuk menyiratkan kuasa dalam binaannya. Ini dilakukan melalui metafora, alusi, semile, dan analogi yang bertindak sebagai unsur-unsur bahasa yang memindahkan ciri-ciri dan sifat hatta kuasa spiritual objek, makhluk yang berujukan sama ada agama, mitos, lagenda atau kitab-kitab suci kepada objek, individu, penerima. Teknik ini akan menimbulkan efek yang memukau dari kebijasanaan pemilihan kata untuk dikiaskan yang boleh menimbulkan keindahan rasa dan bahasa dalam kalangan pendengar atau pesakit.

*Melalui Penggunaan bahasa simbolik dan metafora*

### **Mantera Turun Tangga**

Hei aku sebenar-benar Anak harimau jantan.  
Mu sebenar-benar anak kambing betina

...

### **Mantera Besi Khadani**

Hei telaga maujud duduk di bawah bukit Turusina  
Dengar-dengar amanah aku  
Dengar pesenanaku  
Kalau datang besi khardani saidina Ali  
Engkau lawan sungguh-sungguh

### **Mantera Memperkuatkan Zakar**

Hu sakhom tu fah  
Terpacak di tengah laut  
Aku fuqahak baginda Ali...

*Melalui teknik simile*

### **Mantera Besi Khardani**

...

Engkau kacik seperti kati dikacik  
Kacik seperti rahim Fatimah  
Inilah sebenar-sebenar aku  
Pakai syarat perempuan  
Jadi hulu balang Siti Fatimah

### **Mantera Pekebal**

Kurasa seperti anak naga besi

...

Gagah seperti baginda Ali  
Kuat seperti baginda Hamzah

...

### Mantera Untuk Orang Isteri Ramai

Rupaku seperti nabi Yusuf

Suaraku seperti nabi Daud

...

*Malului Gaya bahasa alusi*

Alusi atau rujukan kepada kuasa-kuasa yang lebih kuat atau pelindung secara langsung meningkatkan keberkesanan mantera (Harun Mat Piah, 1989: 491). Hasil analisis mantera yang terdapat di daerah ini didapati terdapat mantera yang mengguna gaya bahasa alusi sebanyak 17 mantera. Kuasa yang dirujuk terdiri daripada Allah, Nabi Muhammad SAW, para nabi, para malaikat, Ali, Fatimah dan keberkatan kalimah syahadatain, guru, nenek moyang. Contohnya seperti berikut:

### Mantera Pekebal

...

Dan air api angina fanalah sesuatu itu

Di dalam lailahaillallah Muhammadarrasulullah

### Mantra Mengubat Zakar Lemah

...

Inilah sebenar-benar aku

pakai syarat perempuan

Jadi hulubalang Siti Fatimah

Fatimah huawikrak

Hak, sidi guru sidilah aku

Dengan berkat doa lailahaillallah

Muhammadarrasulullah

### Mantera Pengasih

...

Bukan aku yang panah

Sang putera guru yang panah.

### Mantera Menghalau Hantu Pari

...

Jangan derkaha kepada anak Adam  
Kalaumu derhaka kepada anak Adam  
Derhakalah kepada Allah.

### (d) Mengguna Teknik Linguistik dengan Membangkit Asal-usul dan Diberikan Nama

Selain unsur kiasan, satu lagi penggunaan bahasa dalam mantera yang terdapat di kawasan ini yang sangat menarik ialah penggunaan teknik linguistik iaitu dengan pembinaan imej dan bentuk kepada benda yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar dengan cara memerikan anngotanya dan menamakannya. Teknik ini mengikut Noriah Taslim dalam Pandangan Semesta Melayu Mantera (2007) disebut sebagai “image construction”. Deangan memberikan bentuk dan menamakannya sesuatu makhluk, objek, penyakit itu akan diberi identiti, dikenal pasti dan diasingkannya daripada kelompoknya, dengan itu mudah untuk menundukkannya, mengawalnya atau menyerahkannya. Lihat contoh:

### Mantera Berobat Urat Geliat

Indiwadi wainni wanikan.  
Aku tahu akan asal usulmu.  
Dia tu bulu kulit aku.  
Wadi tu daging darah aku.  
Wanikan bulu otak asal dari urat tulang.  
Asal dari daging darah.  
Asal dari roh dan otak aku.

...

### Mantera Mengbat Penyakit Mroyan

Hei Maryam sulung Maryam tengah  
Hei Maryam bongsu akau tahu akan asal

...

### Mantera Halau hantu Pari

Hei pari aku tahu asalmu  
Tanfisun namamu  
Tanfihi nama ibumu  
Sarbudina nama anakmu  
...

- (e) Mengguna Bahasa tempatan Bila Melafas Kata Tuju Kepada makhluk Alam Ghaib

Selain itu didapati beberapa mantera yang mengguna bahasa tempatan atau Melayu Patani bila merujuk kepada nama makhluk ghaib khasnya yang merujuk kepada kepercayaan primitif seperti hantu, roh guru, nenek moyang dalam bentuk memejuk, menghormati, meminta, dan memuja. Lihat contoh di bawah:

### Mantera Mengubat Penyakit Hantu

Hei Mubung dalam syurga  
minta padam api nereka  
Api pun padamlah  
...

- (f) Bercampur bahasa Melayu dengan bahasa Arap

Daerah Raman juga tidak jauh bezanya dengan Alam Melayu di daerah lain. Setelah ketangan Islam mantera di kawasan ini juga mengalami perubahan. Jika sebelum kedatangan Islam kuasa yang sering dirujuk ialah makhluk-makhluk ghaib dalam bahasa tempatan dan dewa-dewi bila masuk pengaruh Hindu-Buddha bertukar kepada kebesaran Allah dan nama-nama yang berpengaruh dalam agama Islam. Penggunaan bahasa pula bercampur dengan bahasa Arab. Misalnya bahagian permulaan dan penutupan dengan bahasa Arab. Manakala bahagian isi masih kekal dalam bahasa tempatan. Ada yang diselang-selikan dalam baris. Contohnya seperti berikut:

### Mantera Pengasih

Assamualaikum  
Hei raja roh raja semangatku

...

### Mantera Mengubat Penyakit Tulang

Hei aku mintak tabik guru tua guru muda  
Dengan berkat kata Lailahaillallah

...

(g) Mengguna bahasa Arab Sepenuhnya

Dari hasil pengumpulan mantera terdapat mantera yang mengguna bahasa Arab sepenuhnya. Hasil analisis ada yang memberi kepentingan kepada maksud ada yang tidak. Tetapi lebih memberi kepentingan kepada unsur-unsur lain seperti bunyi, dan mantera dari ayat-ayat al-Quran dan zikrullah. Contohnya seperti berikut:

### Mantera Mengubat Lengah

Baaha  
Baqaha  
Fanaha

### Mantera Menjauhkan dari Ular dan Kala

Auzubikalimatalahittammati minsyarrimakhalaq

### Manatera Suara Merdu Seperti Buluh Perindu

La yastakhliifannahom khalifatudduri

## 5. Bentuk dan Struktur

Hasil analisis bentuk mantera yang terdapat di daerah Raman wilayah Yala yang terdapat 102 mantera didapati 2 bentuk iaitu dalam bentuk prosa dan puisi. Mantera yang dikelompokkan dalam prosa berdasarkan isi kata-katanya lebih kepada perbuatan atau cara. Tidak sama dengan mantera-mantera lain yang terdapat di kawasan ini yang memberi kepentingan kepada susunan bahasa dalam setiap perkataan. Contohnya seperti berikut:

### **Mantera Bila Kerbau Hilang atau Binatang Hilang**

“Ambil penunggul pusing kemudian niat “qasad hailakindu koihakin” sebelah kiri dan kanan. Kemudian baca “subhanallah walhamdulillah walailaha illah wallahu akhbar” Kemudian ambil penununggul tikam atau tanam dengan “lam alif,” Niat dengan “baa” . Insyaallah akan dapat binatang kembali.”

Mantera yang dikelompokkan dalam puisi dapat dibagahikan kepada 5 bentuk mengikut ciri-cirinya iaitu panjang 1-3 baris, unsur bunyi dan pengulangan kata dan ayat, mengguna kata-kata atau ayat yang merangsangkan dalam bahasa Melayu, mengguna kata-kata atau ayat yang merangsangkan dalam bahasa Arab, dan mantera dalam bentuk pantun. Contohnya seperti berikut:

*1-3 baris*

### **Mantera Menyembuh Bekak**

Ya Allah aku alif dengan baa  
Hidup-hidup

*Unsur bunyi dan pengulangan kata dan ayat*

### **Mantera Pengasih**

Bismillahirrahmanirrahim  
Hei panah Ranjuna  
Aku panah gunung gunung runtuh  
Aku panah laut laut kering  
Aku panah batu, batu tembus

Aku panah matahari matahari tembus  
Bukan aku yang panah  
Sang putera guru yang panah  
Sidi guru sedi berkat dengan kata lailahaillallah.

*Mantera yang terdapat kata-kata yang merangsangkan dalam bahasa Melayu*

### **Mantera Pengasih**

Assalamualaikum  
Hei raja roh raja semangatku  
Mu pergi ambil raja roh raja semangat si anu  
Bawa beri bersama dengan aku  
Beri boleh berjalan bersama-sama dengan aku  
Sebelah kiri aku  
Aku ke darat mu ke darat  
Aku ke laut mu ke laut  
Hei raja roh raja semangat aku  
Jikalau mu pergi ambil raja semangat si anu  
Mu bawa mari bersama-sama dengan aku  
Jikalau tak boleh  
Derhakalah kepada Allah

*Mantera yang terdapat kata-kata yang merangsangkan dalam bahasa Arab*

### **Mantera Membangkit Semangat**

Bimilahirramanirrahim  
Allahomma bihakkiwajhikalkarim  
Antalwujuduyaumaizin wabihakki Muhammaddinil mustofa  
Antal Mahmud wabihakki alaiyil murtado  
Wantal aalamu wabihakkil fatimatissyahroti  
Wabihakki Yusufi wazalika wabihakki Dawuda wa Musa  
Wabihakki Sulaimani malikin jinni  
Walinzi birahmatikaya arhamarrahimin

### *Mantera Dalam Bentuk Pantun*

#### **Mantera Penambat Kasih**

Belah belit batang belulat  
Batang selasih belah dua  
Molek aku boleh di hati si anu kasih (kepada) kak ku  
Gila di mana aku siang dan malam

Hasil analisis bentuk mantera yang terdapat di kawasan ini didapati satu mantera sahaja yang berbentuk pantun. Ada pembayang dan maksud. Walau bagaimanapun bahagian maksud rimanya tidak sama dengan bahagian pembayang. Ini mengkin disebabkan berlaku perubahan semasa penerima menerima menyebabkan bahagian maksud yang seharusnya berima sama dengan bahagian pembayang. Hal ini kemungkinan besar berlaku kerana keterhadan ingatan. Mengikut Noriah Taslim (2010:10) anggota masyarakat lisan boleh dikatakan hampir-hampir tidak mempunyai sumber rujukan yang lain, kecuali yang tersimpan dalam memori pembawa-pembawa tradisi dan hanya mengetahui apa-apa yang dapat diingat balik oleh mereka. Hal yang sama boleh berlaku dengan mantera “mantera penambat kasih”. Bentuk mantera di atas seakan-akan ada bahagian yang hilang.

### **6. Mantera Cirminan Kepercayaan, Pemikiran, dan Cara Hidup Tempatan**

Memandang mantera yang terdapat di kawasan ini yang berjumlah 102 mantra berfungsi merangkumi hampir setiap sudut kehidupan seperti yang telah dijeniskan secara kasar kepada 7 jenis mengikut tujuan. Dapat disimpulkan bahawa mantera sangat mempengaruhi sesetengah ahli masyarakat khususnya pengamal-pengamal lebih-lebih lagi Tok Bomo yang berfungsi sebagai pebantu ahli masyarakat dalam setiap masalah dalam menjalani kehidupan. Selain itu didapati juga di dalam kalangan ahli masyarakat yang memakai mantera untuk memudah, membantu pekerjaan, pembelajaran, menghindarkan dari kecelakaan dan memudahkan dalam pembelajaran. Kedatangan Islam tidak berubah tradisi ini tetapi dapat mempelihatkan pembauran dan pembaharuan unsur-unsur mantera terutama pada bahagian awal dan akhir mantera disesuaikan dengan agama Islam. Dengan hal demikian keseluruhan mantera yang terdapat di kawasan ini secara tidak langsung dapat mempelihatkan kesan-kesan pengaruh kepercayaan pra Islam. Sama ada kepercayaan

animisme, Hindu-Buddha. Selaras dengan pendapat Haron Daud dalam Pandangan Semesta Melayu Mantera (2007: 51) yang berpendapat bahawa kewujudan manterra dalam masyarakat Melayu mungkin sesuai dengan masyarakat itu sendiri kerana sejak zaman perba, mantera telah digunakan oleh bomoh untuk berhubung dengan kuasa ghaib. Kedatangan pengaruh Hindu-Buddha yang mengaitkan unsur-unsur dewa-dewi telah menguatkan lagi penggunaan mantera. Apabila Islam diterima oleh orang Melayu selewat-lewatnya pada abad-15, mantera masih digunakan, setelah dibuat pengubahsuaian tentang penyebutan dan konsep ketuhanan Hindu-Buddha kepada konsep ketuhanan Islam, iaitu Allah Yang Maha Esa, kerasulan Nabi Muhammad, para malaikat, dan sebagainya.

## 7. Mantera Dari Perspektif Islam

Bila memandang kepada tradisi perbomohan yang banyak dalam kalangan Tok Bomo yang menggunakan mantera atau dengan perkataan lain jampi, tawar, sembur, pelepas, siup dan sebagainya (Harun Mat Piah, 1989:479). Hampir sama dengan masyarakat Arab pada zaman jahiliah dulu. Pengurun boleh atau tidak boleh penggunaan sesebuah mantera itu pengkaji mengambil landasan berdasarkan dari jawapan baginda Rasulullah SAW. kepada sabahat setelah mereka beragama Islam. Peristiwa ini dapat lihat dalam kitab sahih Muslim dalam Muhammad Idris Derek (2011:21) telah meriwayatkan daripada Auf bin Malik, dia berkata “Kami mengamalkan jampi di zaman jahiliah setelah Islam kami bertanya Rasulullah: ya Rasulullah, apakah pandangan baginda Rasulullah terhadap yang demikian?” Maka Rasulullah menjawab, “Tunjukkan dahulu jampi kamu itu, dimaafkan pengamalan jampi selama ia tidak mengandungi unsur syirik.” Dari riwayat ini dapat disimpulkan bahawa boleh mengguna, mengamal mantera selagi tidak syirik dengan Allah subhanahuwataala. Dalam hal ini ulama Islam telah mengenakan tiga syarat untuk membolehkan mantera atau jampi iaitu:

1. Dengan al-Quran, nama-nama Allah,
2. Dengan bahasa Arab atau bahasa lain yang boleh difahami maksudnya
3. Percaya atau yakin bahawa mantera atau jampi tidak memberi kesan, tetapi berkesan dengan takdir Allah.

Selain unsur syirik, dua perkara penting yang memboleh dan mengharamkan mantera ialah tujuan mantera dan isi ayat al-Quran yang terdapat dalam mantera. Hal ini kerana sifat “bentuk” dan “struktur” mantera yang bebas itu sendiri yang boleh membawa kepada keterlaluan dalam penggunaan ayat al-Quran sehingga berlaku penyelewengan sampai mengubah ayat-ayat Allah. Satu perkara penting lagi ialah tujuan atau konotasi mantera

membawa kepada “buat sihir” atau tidak. Kenara “sahir” termasuk dalam salah satu dari tujuh dosa-dosa besar.

Hasil analisis mantera yang terdapat di daerah Raman wilayah Yala didapati bahawa banyak mantera daripada ayat-ayat Quran dan azkar atau zikrullah. Walau bagaimanapun terdapat mantera yang mengandungi unsur syirik dalam beberapa rangkap mantera cohtohnya dalam mantera ‘mengubat panyakit hantu’ “hei Mubung ketika dalam syurga, minta padam api neraka, api pun padamlah” yang memberi kuasa kepada mubung dalam bentuk melampau sehingga dapat memadamkan api neraka dan menyumbuh penyakit. Dan terdapat beberapa mantera dari jenis mantera pengasih yang membawa konotasi untuk buat sihir. Dapat lihat daripada kata-kata “Molek aku boleh di hati si anu, kasih kakku, gila di mana mu kepada aku siang dan malam”. Selain itu terdapat segelintir mantera yang terdapat adanya penyelewengan ayat Quran. Contohnya seperti yang terdapat dalam isi kandungan mantera membuka kemahuan nafsu “Kun kata Allah fayakun kata Muhammad”.

## 8. Kesimpulan

Dari dapatan kajian dapat disimpulkan bahawa mantera yang terdapat di derah Raman wilayah Yala tidak jauh bezanya dengan mantera yang terdapat di alam Melayu. Sama ada bentuk dan strukturnya. Sebagai sejenis puisi mantera di sini juga mempunyai unsur-unsur keindahan yang sangat menarik sama ada gaya pengulangan kata dan ayat, bahasa kiasan seperti metafora, ilusi, semile, dan penggunaan teknik linguistik. Memandang jumlah dan jenis pengubatan yang terdapat di kawasan ini boleh dikatakan bahawa mantera sangat berpengaruh dalam kehidupan sesetengah ahli masyarakat Melayu di sini lebih-lebih lagi dalam kalangan Tok Bomo yang masih menggunakan mantera dalam pengubatan sehingga hari ke ini. Hal ini berkait rapat dengan kepercayaan pra Islam. Manakala pembauaran dan pembaharuan kata-kata dalam mantera secara tidak langsung mempelihatkan daya kekreatifan dan kesedaran dimensi universal ajaran Islam. Melalui pembaharuan dan pembauaran di antara tradisi lama dengan baru mantera dapat disambung dan diwarisi sehingga ke hari ini. Malah banyak mantera yang terdiri daripada ayat-ayat Quran dan azkar atau zikrullah. Walaupun begitu terdapat beberapa mantera yang memupuyai unsur-unsur syirik dan penyelewengan penggunaan ayat Quran.

### Rujukan

- Abdul Halim Ali. (2006). *Mendekati Puisi Melayu Tradisional*. Selangor: Elpos Print Sdn Bhd.
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hamid. (1988). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Idris Derih (2011). *Tradisi Perbidanan Di kalangan Masyarakat Islam Kerung Pinang, Jala: Suatu Kajian Menganai Upacara, Amalan Dan Kepercayaan*. Fakulti Pengajian Islam
- Noriah Taslim (2010). *Lisan dan Tulisan Teks Dan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rogayah A. Hamid, Mariyam Salim. (2007). *Pandangan Semesta Melayu Mantera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rogayah A. Hamid, Mariyam Salim. (2010). *Mutiara Sastera Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zalila Sharif dan Jamilah Haji Ahmad. (1993). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.